

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 24.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bersedia memulangkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak kuasa autonomi dalam bidang pendidikan untuk pengurusan yang lebih baik dan juga supaya unsur-unsur dan sejarah Sarawak tidak diabaikan dalam silibus pelajaran sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan serta pekeliling dan Arahan Kerajaan Persekutuan.

Ingin ditegaskan bahawa **sejarah mengenai negeri Sarawak tidak diabaikan dalam kurikulum yang sedang dilaksanakan**. Pendedahan kepada sejarah negeri Sarawak telah diperkenalkan sejak di Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5. Tajuk-tajuk yang berkaitan dengan Sarawak juga jelas dinyatakan dalam sukatan pelajaran mengikut Tingkatan, Tema dan Tajuk.